

SPEECH TEXT
by Chang Kim Loong AMN
YDP Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG)
sempena Hari Kokurikulum Bijak Keusahawanan, 2010
Tarikh : Jumaat 23hb Julai 2010 Jam: 7.20 pg -12.30ptg
Tempat: Arena Wira, SMKTD

Selamat Pagi dan Selamat Sejahtera kepada semua yang hadir pada pagi ini sempena Hari Kokurikulum Bijak KeUsahawanan, 2010.

Yang Berusaha Tn Pengetua, Sdr Gan Peng Kheang, Pen Kanan Kurikulum, Cik Tee Lee Hwa, Pen Kanan Tingkatan 6, Pn Adeline, Pen Kanan Petang, Pn Cheah Kooi Mei, Pen Kanan Hal Ehwal Murid, Pn Chin Yoke Mei, Pen Kanan Kokurikulum, En Ramizu Ibrahim, Ahli-Ahli JK PIBG dan Guru-Guru, Ibu Bapa dan warga SMK Taman Desa yang hadir pada hari ini.

Saya berasa amat berbangga dan bertuah berdiri di sini pada pagi yang berbahagia ini untuk memberi sepatah- dua kata dan seterusnya kepada acara perasmian.

Program Hari Kokurikulum diadakan dengan objektif untuk mendekatkan Pelajar-pelajar, Staf Sekolah dan Guru-guru dalam pelbagai aktiviti-aktiviti sekolah. Pelbagai aktiviti-aktiviti menarik akan berlangsung pada hari ini. Ada gerai jualan makanan/ cenderamata/ permainan/ persembahan kelolaan kelab, persatuan dan badan perkhidmatan. Ada ramai warga SMKTD yang akan terlibat menunjukkan bakat 'enterprise - costing, budgeting and making profits'. Pembelian hanya melalui kupon sahaja yang boleh didapati daripada Guru kelas dan wakil yang dilantik. Marilah beramai-ramai memeriahkan Hari Kokurikulum dan Bijak Keusahawanan. Bersukaria sambil membeli dan menunjuk bakat nyanyian juga.

Hadirin dan hadirat sekalian,

Sememangnya menjadi hasrat Sekolah dan pihak PIBG menggalakkan pelajar berusaha untuk mencapai kecemerlangan dalam apa sahaja bidang, bukan sahaja dalam bidang akademik tetapi juga dalam bidang kokurikulum dan keusahawanan. Ramai orang bercita-cita menjadi usahawan. Kekuatan persiapan awal lebih penting kerana ia akan memberi lonjakan dalam langkah permulaan anda. Ilmu keusahawanan akan memberi jawapan kepada tohmahan, ugutan dan cabaran yang mendatang. Untuk berjaya dalam ketiga-tiga bidang sekali gus, memerlukan kekuatan dan komitmen yang sangat tinggi.

I am very encouraged by the fact that our School old students are here among us today to lend a hand, give moral support and guidance to our young students.

Excellent academic achievements will no longer be the sole criterion for students securing places in Universities and Institutes of higher learning. Co-curriculum activities will make up of 10% of entry requirement. Co-curriculum activities that enhance your chances to gain entry into public universities are Sports, Association, Uniformed units and National Service. Accordingly, please indulge

yourselves into one or more of these healthy activities.

Akhir kata saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih sekali lagi kepada ahli jawatankuasa program ini dan kepada semua yang hadir bagi memeriahkan lagi program Hari Kokurikulum pada pagi ini.

Dengan ini, saya dengan sukacitanya merasmikan pembukaan Hari Kokurikulum Bijak KeUsahawanan, 2010 dengan tema:

‘KECEMERLANGAN DIRI MELALUI KOKURIKULUM’
Sekian, terima kasih.